

05 APR 1997

Muhyiddin-sosial

TEMPOH PERCUBAAN SEBELUM PELAKSANAAN PROGRAM KHIDMAT SOSIAL

PORT DICKSON, 5 April (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata satu tempoh percubaan akan diadakan sekiranya kerajaan bersetuju untuk melaksanakan program Khidmat Sosial Negara di negara ini.

Katanya, tempoh percubaan itu jika dipersetujui akan dilaksanakan di beberapa negeri terlebih dahulu bagi membolehkan maklum balas diperolehi bagi setiap aspek berkaitan dengan program itu.

"Ini akan membolehkan kita mengenal pasti modul yang sesuai digunakan di samping mengesan sebarang masalah atau kelemahan yang mungkin timbul semasa tempoh percubaan itu", katanya kepada pemberita selepas mesyuarat penyelarasan Exco Kerajaan Negeri bagi belia dan sukan di sini, hari ini.

Sehubungan itu katanya, satu kertas kerja konsep program berkenaan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 April ini.

Menurut beliau, jawatankuasa berkenaan akan menilai konsep yang dicadangkan di dalam kertas itu sebelum dibentangkan kepada Kabinet untuk mendapatkan persetujuan.

"Setakat ini maklum balas yang diterima daripada negeri-negeri amat baik dan kesemua mereka berpendapat program seumpama itu wajib dilaksanakan secepat mungkin".

Muhyiddin berkata kertas itu antara lain menerangkan modul-modul, aspek dan format yang akan diperkenalkan dan ditekankan kepada peserta selain tempoh program selama enam minggu.

Katanya, golongan yang akan dijadikan sasaran tumpuan program Khidmat Sosial Negara ialah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berjumlah antara 260,000 dan 300,000 orang setiap tahun.

Bagaimanapun katanya, program sedemikian bukan merupakan jawapan dan jalan penyelesaian sepenuhnya terhadap masalah sosial di negara ini kerana ia lebih merupakan pendekatan percubaan melalui pengalaman.

Beliau juga berkata Hari Belia pada tahun ini akan disambut di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 Mei depan.

Sehubungan itu, satu perhimpunan oleh kira-kira 2,500 pemimpin pertubuhan belia seluruh negara akan diadakan dengan perasmianya dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

RAB OBA